

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status secara terperinci mengenai pembangunan projek-projek perumahan Kementerian seperti Vista Leila Idaman dan PR1MA@Sandakan City Centre yang terbiar dan adakah pembangunan terbiar tersebut dalam rancangan Kementerian untuk memulihkannya demi kebaikan rakyat .

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Residensi Sandakan City Centre telah diteliti dan diperhalusi melalui Pelan Rasionalisasi PR1MA dan telah diputuskan untuk diteruskan. Peratus kemajuan tapak sehingga kini adalah sebanyak 74.78%. PR1MA telah berbincang dengan pihak kontraktor bagi menyusun semula strategi pelaksanaan untuk menyiapkan projek ini secepat mungkin dan projek ini dijangka akan siap pada awal suku keempat tahun 2021.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembangunan Vista Leila Idaman adalah merupakan salah satu Program Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang mengandungi 320 unit Apartmen Kos Sederhana Rendah dan 600 unit Kos Sederhana serta 24 unit Kedai 2 Tingkat yang telah mula dibina pada 2008. Pelaksanaan projek ini terpaksa dihentikan pada akhir tahun 2011 kerana tiada permintaan ke atas pembangunan ini. Mulai tahun ini SPNB bercadang untuk membuat kajian pasaran dan kebolehlaksanaan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.